

**ADVERBA DALAM AYAT TRANSITIF BAHASA MELAYU: SATU ANALISIS  
PRINSIP DAN PARAMETER**

**OLEH**

**SK. MOHD SAWPI BIN LAWI**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera Mod Campuran**

**Mac 2008**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnia-Nya pengkaji dapat menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia tesis ini, Pn. Solakhiah binti Januri yang banyak membantu, membimbing dan memberi nasihat sepanjang penulisan tesis ini dijalankan. Kesabaran dan komitmennya yang tinggi merupakan faktor utama tesis ini dapat dihasilkan.

Selain itu, sekalung penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Linguistik Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi (BMBATI) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang mengajar dan mencurahkan ilmu yang tidak terhingga untuk pengkaji menimba dan memanfaatkannya.

Akhirnya, terima kasih kepada isteri dan anak-anak serta kepada semua yang terlibat dalam penghasilan tesis ini,

**SK. MOHD SAWPI BIN LAWI**

**Mac 2008**

## **SENARAI KATA SINGKATAN**

|                   |   |
|-------------------|---|
| <b>A</b>          | <b>Adjung</b>                                     |
| <b>ADV</b>        | <b>Kata Adverba</b>                               |
| <b>AgrO</b>       | <b>Agreement ( object )</b>                       |
| <b>DP</b>         | <b>Determiner Phrase</b>                          |
| <b>FADV</b>       | <b>Frasa Adverba</b>                              |
| <b>FAgrO</b>      | <b>Frasa Agreement (Unjuran Keserasian Objek)</b> |
| <b>FK</b>         | <b>Frasa Kerja</b>                                |
| <b>fk</b>         | <b>Frasa Kerja Ringan</b>                         |
| <b>FKOMP</b>      | <b>Frasa Komplemen</b>                            |
| <b>FLEKSI</b>     | <b>Kata Fleksi</b>                                |
| <b>FN</b>         | <b>Frasa Nama</b>                                 |
| <b>FI</b>         | <b>Frasa Infleksi</b>                             |
| <b>I</b>          | <b>Infleksi</b>                                   |
| <b>K</b>          | <b>Kata Kerja</b>                                 |
| <b>KOMP</b>       | <b>Kata Komplemen</b>                             |
| <b>N</b>          | <b>Kata Nama</b>                                  |
| <b>O</b>          | <b>Objek</b>                                      |
| <b>S</b>          | <b>Subjek</b>                                     |
| <b>Spec</b>       | <b>Specifier</b>                                  |
| <b>Spes</b>       | <b>Spesifier</b>                                  |
| <b>Struktur-D</b> | <b>Struktur Dalaman</b>                           |
| <b>Struktur-L</b> | <b>Struktur Luaran</b>                            |
| <b>t</b>          | <b>tikas</b>                                      |
| <b>v</b>          | <b>light verb</b>                                 |
| <b>V</b>          | <b>Verb</b>                                       |

VP-shell

Cengkerang FK

VP

Verb Phrase

vP

Outer verb phrase ( dalam VP-Shell ) sama dengan fk

VP

Inner verb phrase ( dalam VP-Shell ) sama dengan FK

## SUSUNAN KANDUNGAN

Muka surat

|                               |      |
|-------------------------------|------|
| <b>HALAMAN TAJUK</b>          | i    |
| <b>PENGHARGAAN</b>            | ii   |
| <b>SENARAI KATA SINGKATAN</b> | iii  |
| <b>SUSUNAN KANDUNGAN</b>      | v    |
| <b>ABSTRAK</b>                | viii |
| <b>ABSTRACT</b>               | ix   |

### **BAB 1 : PENGENALAN**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 1.0 | Latar Belakang Kajian dan Pernyataan Masalah      | 1  |
| 1.1 | Objektif Kajian                                   | 7  |
| 1.2 | Persoalan Kajian                                  | 8  |
| 1.3 | Kepentingan Kajian                                | 9  |
| 1.4 | Metodologi Kajian                                 | 10 |
|     | 1.4.1 Pengumpulan Data                            | 10 |
|     | 1.4.1.1 Kajian Pustaka                            | 11 |
|     | 1.4.1.2 Kajian Korpus Berkomputer                 | 11 |
|     | 1.4.1.3 Kajian Lapangan                           | 13 |
|     | 1.4.2 Penganalisan Data                           | 14 |
| 1.5 | Sorotan Kajian                                    | 14 |
|     | 1.5.1 Kajian Tentang Adverba dalam Bahasa Melayu  | 14 |
|     | 1.5.2 Kajian Tentang Adverba dalam Ayat Transitif | 19 |
| 1.6 | Skop Kajian                                       | 22 |
| 1.7 | Organisasi Kajian                                 | 22 |
| 1.8 | Rumusan   | 23 |

### **BAB 2 : TEORI PRINSIP DAN PARAMETER**

|     |                |    |
|-----|----------------|----|
| 2.0 | Pengenalan     | 24 |
| 2.1 | Kerangka Teori | 24 |

|     |                                |    |
|-----|--------------------------------|----|
| 2.2 | Leksikon                       | 26 |
| 2.3 | Struktur-D ( Struktur Dalaman) | 29 |
|     | 2.3.1 Teori X-Berpalang        | 29 |
|     | 2.3.2 Teori Teta               | 31 |
| 2.4 | Pergerakan $\alpha$            | 32 |
| 2.5 | Struktur-L (Struktur Luaran)   | 33 |
| 2.6 | Cengkerang FK (VP-Shell)       | 34 |
| 2.7 | Rumusan                        | 35 |

### **BAB 3 : FAKTA TENTANG ADVERBA DALAM AYAT TRANSITIF**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 3.0 | Pengenalan  | 36 |
| 3.1 | Urutan Konstituen Ayat Penyata Dasar Bahasa Melayu                                  | 37 |
| 3.2 | Kehadiran Adverba Pada Posisi Akhir Ayat  | 39 |
| 3.3 | Kehadiran Adverba Pada Posisi Awal Ayat   | 42 |
| 3.4 | Kehadiran Adverba Pada Posisi Sebelum Kata kerja Transitif                          | 45 |
| 3.5 | Kehadiran Adverba Pada Posisi Di antara Kata Kerja Transitif Dengan Komplementennya | 49 |
| 3.6 | Rumusan   | 52 |

### **BAB 4 : ANALISIS TEORITIS KEHADIRAN ADVERBA DALAM AYAT TRANSITIF**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 4.0 | Pengenalan   | 54 |
| 4.1 | Huraian Model Cengkerang FK, Hipotesis Subjek Dalaman & Analisis Cantuman Adjung | 56 |
|     | 4.1.1 Model Cengkerang FK (C-FK)   | 56 |
|     | 4.1.2 Hipotesis Subjek Dalaman FK dan Peranan Teta                               | 60 |
|     | 4.1.3 Cantuman (Adjung)  | 61 |
| 4.2 | Analisis Adverba Dalam Ayat Transitif  | 62 |
|     | 4.2.1 Analisis Adverba Pada Posisi Awal Ayat                                     | 62 |
|     | 4.2.2 Analisis Adverba Pada Posisi Akhir Ayat                                    | 67 |
|     | 4.2.3 Analisis Adverba Pada Posisi Sebelum Kata Kerja Transitif                  | 70 |

|  |    |
|--|----|
| 4.2.4 Analisis Adverba Pada Posisi Di antara Kata Kerja Transitif Dengan Komplemen | 73 |
| 4.2.5 Adverba <i>Lagi, Kembali</i> dan <i>Semula</i> Pada Posisi Akhir Ayat        | 78 |
| 4.3 Rumusan  | 81 |

## **BAB 5 : PENUTUP**

|                         |    |
|-------------------------|----|
| 5.0 Pengenalan          | 82 |
| 5.1 Rumusan Keseluruhan | 82 |
| 5.2 Cadangan Kajian     | 84 |

|                    |    |
|--------------------|----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 85 |
| <b>LAMPIRAN 1a</b> | 87 |
| <b>LAMPIRAN 1b</b> | 88 |
| <b>LAMPIRAN 1c</b> | 89 |
| <b>LAMPIRAN 2</b>  | 90 |
| <b>LAMPIRAN 3</b>  | 91 |
| <b>LAMPIRAN 4</b>  | 92 |
| <b>LAMPIRAN 5</b>  | 93 |
| <b>LAMPIRAN 6</b>  | 99 |

## ADVERBA DALAM AYAT TRANSITIF BAHASA MELAYU: SATU ANALISIS PRINSIP DAN PARAMETER

### ABSTRAK

Tesis ini bermatlamat untuk meneliti perlakuan adverba *lagi*, *kembali*, *semula*, *semalam* dan *dengan bersungguh-sungguh* dalam pelbagai posisi ayat transitif bahasa Melayu. Secara khusus, kajian ini cuba mengemukakan penjelasan teoritis terhadap kehadiran adverba-adverba tersebut, terutamanya *lagi*, *kembali* dan *semula*, yang hadir pada posisi di antara kata kerja dan komplemen.

Untuk memeri perlakuan adverba yang dikaji, pengkaji menggunakan Teori Tatabahasa Transformasi-Generatif versi Prinsip dan Parameter (1986) dan beberapa karya yang lebih terkini yang ditulis dalam kerangka teori ini. Bertepatan dengan metodologi kajian mengikut Teori Generatif, pengkaji menggunakan data korpus daripada novel karya penutur natif bahasa Melayu dan akhbar *Utusan Online* yang dijana dengan menggunakan perisian Wordsmith. Kajian lapangan yang melibatkan pengedaran soal selidik kepada penutur natif bagi mendapatkan penilaian kebolehterimaan ayat juga dilaksanakan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa adverba *lagi*, *semula*, dan *kembali* boleh hadir pada posisi di antara kata kerja transitif dengan komplemennya, dan pada posisi akhir ayat. Sehubungan dengan perlakuan kumpulan adverba ini, pengkaji mengandaikan bahawa adverba tersebut ialah sejenis adverba semu yang hadir dalam kata kerja kompleks. Manakala adverba lain seperti *dengan bersungguh-sungguh* ternyata lebih tulen sifatnya sebagai adverba kerana ia boleh hadir dalam pelbagai posisi. Oleh itu adverba *dengan bersungguh-sungguh* dan *semalam* dianalisis sebagai adjung dalam ayat, tetapi adverba *lagi*, *semula*, dan *kembali*, yang mendukung maksud 'berulang', dianalisis sebagai partikel yang mesti bergabung (juga boleh terpisah) dengan kata kerja dalam lingkungan yang tertentu.



# ADVERBIALS IN MALAY TRANSITIVE SENTENCES: AN ANALYSIS OF PRINCIPLES AND PARAMETERS

## ABSTRACT

The objective of this thesis is to examine the behaviour of adverbials *lagi*, *kembali*, *semula*, *semalam* and *dengan bersungguh-sungguh* in various positions in Malay transitive sentence. Mainly, the study tries to put forth a theoretical explanation towards the presence of these adverbials especially adverbials *lagi*, *kembali* and *semula* which exist in between transitive verbs and their complements.

The behaviour of the adverbials analysed was described using the Transformational Generative Theory, The Principles and Parameters (version 1986) and several other recent publications in this theoretical framework. In accordance with the research methodology which is in line with the Generative Theory, the researcher used corpora taken from novels written by Malay native speakers and the Utusan Online newspaper which were generated via the Word Smith program. Fieldwork involving the distribution of questionnaires inquiring into the native speaker's judgement as to the acceptability of sentences collected was also conducted.

The findings of the study revealed that the adverbials *lagi*, *semula* and *kembali* can be present between transitive verbs and their complements and at the end of a sentence. With regard to the behaviour of these groups of adverbials, the researcher assumed that the adverbials concerned were of the *pseudo* type which existed in complex verbs, while adverbials like *dengan bersungguh-sungguh* and *semalam* were evidently more authentic as it can occur in various positions. Thus, the adverb *dengan bersungguh-sungguh* was analysed as an adjunct in a sentence but the adverbials *lagi*, *semula* and *kembali*, which carry the meaning 'repetition', were analysed as particles which needed to be combined (or can also be separated) with verbs in a certain context.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN DAN PERNYATAAN MASALAH

Dalam memperkatakan ciri-ciri ayat transitif, Asraf telah memberikan beberapa panduan. Asraf (2007) mengatakan bahawa ayat transitif bahasa Melayu terbina apabila subjek ayat berfungsi sebagai pelaku dan diikuti oleh predikat yang di dalamnya terdapat objek yang menjadi penderita. Selain itu, beliau menegaskan bahawa objek ayat transitif mesti terdiri daripada frasa nama yang mengikuti kata kerja secara langsung. Hal ini dapat dijelaskan menerusi contoh ayat berikut.

(1) Amin menendang bola itu. (ibid:42)

Dalam ayat (1), FN *Amin* ialah subjek dan FN *bola itu* ialah objek. Objek dalam ayat ini merupakan frasa nama yang mengikuti secara langsung kata kerja transitif *menendang*. Sehubungan dengan ini, Nik Safiah Karim *et al.* (1996) menjelaskan bahawa frasa kerja transitif terdiri daripada kata kerja yang disambut oleh frasa nama sebagai objek.<sup>1</sup>

Ayat-ayat di bawah menunjukkan hal yang dimaksudkannya.

(2) Mereka makan ayam goreng itu.

(3) Budak itu membaca buku. (ibid:370)

Dalam ayat (2), frasa kerja *makan ayam goreng itu* terdiri daripada frasa nama *ayam goreng itu* yang berfungsi sebagai objek yang menyambut kata kerja transitif *makan*. Manakala, dalam ayat (3) frasa kerja *membaca buku* terdiri daripada frasa nama *buku* yang berfungsi sebagai objek yang menyambut kata kerja *membaca*.

---

<sup>1</sup> Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan istilah komplemen bagi merujuk kepada objek nahuan yang digunakan dalam tatabahasa tradisional.

Berdasarkan huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa Asraf (2007) dan Nik Safiah Karim *et al.* (1996) mempunyai pandangan yang sama dari segi pencirian ayat transitif iaitu frasa nama objek dalam ayat mesti menyambut kata kerja transitif secara langsung untuk membentuk frasa kerja transitif.

Sehubungan dengan kehadiran frasa keterangan dalam ayat transitif, Nik Safiah Karim *et al.* (1996: 381) telah merumuskan satu peraturan seperti yang terlihat pada Jadual 1.1 di bawah.

**Jadual 1.1 : Rumus Frasa Keterangan Dalam Ayat Transitif**

| Kata Bantu | Kata kerja Transitif | Objek      | Keterangan            |
|------------|----------------------|------------|-----------------------|
| akan       | mengusahakan         | perniagaan | di bandar             |
| -          | mengeluarkan         | kenyataan  | tentang kenaikan gaji |

( Sumber- Nik Safiah Karim *et al.*, 1996 : 381)

Melalui rumus yang terdapat dalam Jadual 1.1, unsur keterangan yang hadir dalam frasa transitif mestilah mengikuti objek.

Di samping itu, Asraf (2007: 207) pula menegaskan bahawa kata atau kata-kata lain tidak boleh disisipkan di antara kata kerja transitif dengan frasa nama yang menjadi objek. Sekiranya ada sisipan yang berlaku, ayat-ayat tersebut dianggap sebagai tidak baku.<sup>2</sup> Beliau menyokong pernyataan ini dengan memberikan beberapa contoh ayat seperti berikut:

<sup>2</sup> Pengkaji mengandaikan bahawa istilah tidak baku yang digunakan oleh Asraf menyamai maksud tidak gramatis.

(4a) Mereka melebarkan jalan itu lagi.

(4b)\* Mereka melebarkan lagi jalan itu.

(5a) Beliau menyentuh perkara itu.

(5b)\*Beliau menyentuh tentang perkara itu.

(Asraf, 2007:207-208)

Berdasarkan contoh-contoh dalam ayat-ayat (4a – 5b) yang diperturunkan di atas, ayat (4a) dan (5a) dianggap gramatis oleh Asraf (ibid:2007) manakala ayat (4b) dan (5b) dianggap tidak gramatis. Hal ini demikian kerana Asraf (ibid:2007) tidak menerima sebarang unsur yang disisipkan di antara kata kerja transitif dengan komplen dalam ayat transitif. Contohnya, penyisipan kata adverba *lagi* dalam ayat (4b) dan kata sendi *tentang* dalam ayat (5b) .

Apabila dibuat penelitian secara mendalam tentang pendirian oleh Nik Safiah Karim *et al.* (1996) dan Asraf (2007) mengenai unsur yang hadir dalam frasa kerja transitif, ternyata bahawa mereka tidak membenarkan unsur keterangan disisipkan di antara kata kerja transitif dan komplenennya.

Berdasarkan pandangan di atas, kita dapati bahawa terdapat dua penentuan penting dalam tatabahasa Melayu, khususnya mengenai ayat transitif bahasa Melayu iaitu:

(i) Dalam ayat transitif, kata kerja dan komplen mesti dihubungkan secara langsung, iaitu tidak boleh ada sebarang unsur yang menyisip di antara keduanya.

(ii) Ayat transitif dianggap tidak gramatis sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi oleh pengguna bahasa Melayu, khususnya dalam situasi formal.

Peraturan yang melibatkan kehadiran unsur keterangan dalam ayat transitif bahasa Melayu yang ditetapkan oleh sarjana-sarjana bahasa seperti Nik Safiah Karim *et al.* (1996) dan Asraf (2007) ini telah menjadi faktor penting kepada pengkaji untuk meneliti perkara ini dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana pengkaji telah menemukan beberapa bukti daripada data korpus<sup>3</sup> yang menunjukkan bahawa terdapat bentuk frasa kerja transitif yang tidak selari seperti yang dikemukakan oleh Asraf (2007) dan Nik Safiah Karim *et al.* (1996). Sebagai contoh, dalam *novel Salina*<sup>4</sup> karya Sasterawan Negara A. Samad Said, ditemui beberapa ayat seperti yang berikut:

- (6) Siti Salina menggelengkan kepalanya *lagi*.
- (7) Katijah mengemukakan *lagi* pertanyaannya tadi.
- (8) Hilmy mula menghamburkan *lagi* pertanyaan itu.

Didapati ayat (6) "Siti Salina menggelengkan kepalanya *lagi*" sesungguhnya menepati peraturan frasa kerja transitif seperti mana yang dikemukakan oleh Asraf (2007) dan Nik Safiah *et al.* (1996) Walau bagaimanapun, ayat (7) dan (8) yang diperturunkan semula sebagai ayat (9) dan (10)

- (9) Katijah mengemukakan *lagi* pertanyaannya tadi.
- (10) Hilmy mula menghamburkan *lagi* pertanyaan itu.

didapati mempunyai unsur pemisah di antara kata kerja transitif dengan komplemennya. Unsur keterangan *lagi* telah berada di posisi yang memisahkan kata kerja transitif dengan komplemen dalam ayat (9) dan (10). Apabila hal ini berlaku, ayat (9) dan (10) telah didapati menyalahi peraturan preskriptif seperti mana yang telah ditentukan oleh Asraf (2007) dan Nik Safiah *et al.* (1996). Keadaan ini menimbulkan satu tanggapan

<sup>3</sup> Data korpus dijana daripada korpus teks Salina, teks Ranjau Sepanjang Jalan, dan Utusan Online 2007 dalam pelbagai laras. Contoh-contoh daripada data korpus ada dalam Lampiran 1a, 1b dan 1c.

<sup>4</sup> Teks novel Salina yang dikaji telah menjadi bahan korpus berkomputer yang dapat dijana dengan menggunakan perisian wordsmith. Halaman muka surat tidak dapat dikesan.

bahawa pengguna bahasa Melayu jati seharusnya menggunakan bahasa seperti mana yang telah ditetapkan oleh peraturan yang bersifat preskriptif. Hal ini tentunya bertentangan dengan intuisi penutur natif bahasa Melayu.

Perkara lain yang diteliti ialah perkataan *lagi* yang terdapat dalam ketiga-tiga ayat tersebut. Berdasarkan intuisi penutur natif bahasa Melayu, didapati bahawa perkataan *lagi* yang digunakan itu merupakan unsur yang digunakan untuk memberi keterangan bagi kata kerja yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut. Perkataan *lagi* dalam ayat (6), (9) dan (10) digunakan sebagai unsur bagi menerangkan kata kerja *menggelengkan*, *mengemukakan* dan *menghamburkan*. Perkataan *lagi* yang digunakan bagi menerangkan ketiga-tiga kata kerja dalam ayat-ayat tersebut dikategorikan sebagai kata adverba (Asmah, 1986), sifat kata (Za'ba, 1961), dan kata keterangan (Asraf, 1997). Pengklasifikasian ini dibuat berdasarkan pendefinisian yang dibuat oleh *Encyclopedia Dictionary English Usage* (1993) yang menyatakan bahawa adverba terdiri daripada perkataan, frasa atau klausa yang dapat menerangkan kata kerja, kata adjektif atau kata adverba yang lain. Takrifan adverba ini mempunyai persamaan seperti penjelasan yang pernah dikemukakan oleh Za'ba (1961), Winstedt (1937), Asmah Hj. Omar (1986), Abdullah Hassan (1986), Arbak Othman (1981), Liaw Yock Fang (1994) dan Nik Safiah Karim (2007)<sup>5</sup>. Zaba (1961) menyebut beberapa contoh adverba yang menerangkan kata kerja seperti *lagi*, *lambat*, *segera* dan *selalu* seperti yang terdapat dalam frasa (11), (12), (13) dan (14) berikut.

(11)  *baca lagi*

(12)  *datang lambat*

(13)  *pergi segera*

(14)  *selalu menangis.*

---

<sup>5</sup>Penjelasan lanjut akan dibuat dalam 1.6.1

Contoh adverbial lain yang dapat menerangkan kata kerja adalah seperti yang dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (1986) dalam ayat-ayat yang berikut:

(15) Dia berjalan *perlahan-lahan*.

(16) Mereka masuk *dengan diam-diam*.

Dalam ayat (15), perkataan *perlahan-lahan* ialah adverbial yang menerangkan kata kerja *berjalan*, manakala dalam ayat (16), frasa *dengan diam-diam* ialah adverbial yang menerangkan kata kerja *masuk*.

Selain itu, terdapat juga adverbial yang menerangkan kata adjektif seperti yang dinyatakan oleh Nik Safiah Karim (2007). Contoh adverbial tersebut (yang berhuruf condong) adalah seperti contoh dalam frasa-frasa yang berikut.

(17) *sentiasa* sihat

(18) malu *tersipu-sipu*

(19) sudah besar *panjang*.

Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994) pula menjelaskan perihal jenis adverbial yang dapat menerangkan kata adverbial yang lain. Contoh adverbial tersebut adalah seperti "berjalan *lambat benar*." Dalam frasa *berjalan lambat benar*, perkataan *lambat* ialah adverbial yang menerangkan kata kerja *berjalan* dan perkataan *benar* adalah juga adverbial yang menerangkan kata adverbial *lambat*.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa adverbial dapat digunakan dalam ayat bagi menerangkan kata kerja, kata adjektif dan kata adverbial itu sendiri. Dalam bahasa Melayu, unsur-unsur keterangan ini telah diberi istilah yang berbeza. Za'ba telah menggunakan istilah *sifat kata* sejak tahun 1940, Asmah Hj. Omar (1986) dan Nik Safiah Karim (2007) menggunakan istilah 'adverbial', manakala Arbak

Othman (1981), Abdulah Hassan (1994), Darwis Harahap (2004), Asraf (2007) dan Nik Safiah Karim *et al.* (1986) telah menggunakan istilah kata keterangan. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan istilah adverba.

Sementelahan itu, kajian-kajian yang dijalankan oleh Wong Khek Seng (1990), Zaharani Ahmad dan Mohd Ra'in Shaari (2005), dan Darwis Harahap (2004)<sup>6</sup> telah menunjukkan kewujudan fenomena penyisipan adverba di antara kata kerja transitif dan komplemen berdasarkan dapatan daripada korpus yang dikaji. Hasil menunjukkan bahawa penyisipan unsur adverba di antara kata kerja dan objek digunakan secara meluas oleh penutur natif bahasa Melayu dalam hasil karya penulis-penulis Melayu. Hal ini merupakan suatu tentangan terhadap satu peraturan preskriptif yang menjadi pegangan rasmi di peringkat sekolah negara ini. Oleh itu, pengkaji berasa terpacu untuk melihat perkara tersebut dengan lebih terperinci kerana pengkaji berpendapat bahawa penghuraian aspek sintaksis dalam permasalahan ini dapat melengkapkan lagi kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Dengan ini, pengkaji ingin mengusulkan satu penjelasan secara teoritis dalam menangani permasalahan yang wujud itu.

## **1.1 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian yang berasaskan pelbagai korpus ini bertujuan untuk

- i. mencari dan menghuraikan perlakuan dan penyebaran adverba dalam pelbagai posisi ayat transitif bahasa Melayu,
- ii. memaparkan kewujudan ayat transitif bahasa Melayu yang di dalamnya terdapat penyisipan adverba di antara kata kerja transitif dan komplemennya, dan

---

<sup>6</sup> Perbincangan lanjut dapatan kajian mereka dalam 1.6.2



- iii. memberikan penjelasan teoritis terhadap kehadiran adverba pada posisi di antara kata kerja transitif dan komplemennya dalam struktur ayat transitif bahasa Melayu.

## **1.1 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan matlamat atau objektif yang telah digariskan, kajian ini cuba menjawab persoalan seperti yang berikut dalam ruang lingkup kajian ini.

- i. Sejauh mana hubungan kata kerja transitif dengan komplemennya begitu terikat sehingga sukar untuk dipisahkan?
- ii. Sekiranya terdapat pemisahan antara kata kerja transitif dengan komplemennya, apakah jenis pemisah yang dapat menjadi unsur pemisahan tersebut?
- iii. Sekiranya pemisah tersebut satu adverba, apakah jenis adverba yang terbabit?
- iv. Sejauh mana ayat-ayat yang mempunyai unsur pemisahan ini diterima pakai oleh penutur natif?
- v. Terdapatkah peraturan tatabahasa yang tertentu tentang hubungan kata kerja transitif dengan komplemen dalam bahasa Melayu?
- vi. Terdapatkah posisi lain yang boleh diduduki oleh adverba terbabit tanpa menjejaskan maksud ayat?
- vii. Terdapatkah penjelasan lain untuk menerangkan kehadiran adverba dalam ayat transitif di antara kata kerja transitif dan komplemennya?

### 1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini, diharapkan peraturan bahasa Melayu yang bersifat preskriptif perlu dinilai semula berdasarkan fakta empirikal hasil daripada kajian yang lebih bersifat deskriptif.

Keduanya, kajian ini cuba mengemukakan penjelasan teoritis, terutamanya terhadap gejala kehadiran adverba di antara kata kerja dengan komplementnya. Dari satu segi, hasil dapatan kajian boleh dijadikan bahan bukti empirikal bagi menyokong hakikat bahawa kehadiran adverba di antara kata kerja dengan komplementnya, sesungguhnya, tidaklah sentiasa menghasilkan ayat yang tidak gramatis. Terdapat sekelompok adverba yang dibenarkan dan sekelompok yang tidak dibenarkan daripada beberapa aspek. Dalam erti kata lain, terdapat rumus tersebut dalam minda penutur jati bagi kehadiran adverba tersebut.

Ketiga, kajian ini memberikan huraian formal yang bersifat deskriptif tentang penyebaran dan perlakuan sintaksis adverba dalam ayat bahasa Melayu. Dari segi teori, hasil dapatan kajian dapat memberikan input kepada koleksi kajian ilmiah tentang aspek tatabahasa bahasa Melayu dari perspektif transformasi-generatif. Akhirnya, dapatan kajian dapat memberikan sumbangan yang bersifat sugestif ke atas penulisan tatabahasa formal bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian deskriptif yang seperti ini dapat dimanfaatkan untuk meneliti semula peraturan tatabahasa yang sedia ada yang digunakan di seluruh negara, khususnya tentang hubungan antara kata kerja

transitif dan komplementernya yang sangat terikat dan tidak boleh dipisahkan. Akibatnya ayat yang dikatakan tidak mematuhi peraturan ini dianggap tidak gramatis. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan paling minimum sebagai rujukan yang berasaskan kajian ilmiah.

Seterusnya, hasil kajian dapat mengurangkan jurang antara fakta deskriptif dengan peraturan preskriptif. Peraturan preskriptif tanpa mengambil kira data-data daripada fakta deskriptif lebih banyak mendatangkan masalah kepada pengguna bahasa Melayu.

## **1.4 METODOLOGI KAJIAN**

Untuk menjawab isu-isu yang dikemukakan dan mencapai matlamat kajian, data-data yang memadai akan dikutip daripada pelbagai korpus dan menurut amalan dalam kajian yang berasaskan Teori Transformasi Generatif. Sehubungan dengan itu, dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan dua perkara, yakni kaedah pengumpulan data yang dijadikan bahan analisis dan kaedah penganalisan data.

### **1.4.1 Pengumpulan Data**

Dalam proses pengumpulan data-data mentah, sumber-sumber yang relevan telah dikutip melalui kajian pustaka, kajian korpus berkomputer, dan kajian lapangan.

#### **1.4.1.1 Kajian Pustaka**

Kajian pustaka merupakan langkah yang sangat penting dalam proses penulisan tesis ini. Ia dilakukan secara berterusan dari mula sehingga kajian ini selesai. Kajian ini termasuklah pembacaan sumber-sumber bercetak dalam bentuk buku, makalah, prosiding, tesis dan disertasi yang diperoleh melalui perkhidmatan perpustakaan dan internet. Pada peringkat permulaan ini, gambaran yang jelas tentang tajuk, skop, dan sorotan kajian serta penutur jati perlu diperoleh dan seterusnya ditentukan. Kajian pustaka terus memainkan peranan yang besar sehingga penulisan ini tamat.

Kajian ini dilakukan di perpustakaan, iaitu di Perpustakaan Utama Hamzah Sendut 1 dan 2, Universiti Sains Malaysia dan di Pusat Sumber Institut Perguruan Persekutuan Pulau Pinang.

#### **1.4.1.2 Kajian Korpus Berkomputer**

Sesuai dengan tajuk, skop, dan isu kajian, pengkaji memilih untuk menggunakan korpus yang dikutip daripada sumber penggunaan bahasa Melayu yang sebenar. Bagi mendapatkan data yang lebih representatif, akhbar harian dan novel yang ditulis oleh penutur natif menjadi sumber korpus.

Sehubungan dengan pengutipan daripada akhbar, data diambil daripada *Utusan Online* tahun 2007 keluaran Julai dan Ogos. Data ini mencakupi pelbagai laras termasuk laras sukan, hiburan, rencana, ekonomi, bicara agama, pendidikan, politik dan sastera. Selain itu, data daripada novel 'Salina' oleh Sasterawan Negara, A. Samad

Said dan novel 'Ranjau Sepanjang Jalan' oleh Shahnnon Ahmad juga menjadi sumber data mentah kajian ini.

Untuk mencungkil data yang relevan dengan tajuk kajian ini, data daripada sumber akhbar dan novel ini mestilah disalin dalam bentuk Notepad terlebih dahulu sebelum perisian Wordsmith dapat digunakan dengan efektif. Perisian Wordsmith membolehkan data-data yang relevan ( jika ada dalam sumber data ) dapat dijana sebanyak mungkin dalam pelbagai struktur ayat. Yang berikut ialah contoh hasil daripada novel 'Salina' dengan bantuan Wordsmith.

Jadual 1.2  
Contoh Data Korpus Perkataan 'Lagi'

| N    | Concordance   | Word No. | File   |
|------|---|----------|--|
| 2096 | Abdul Fakar ketawa <b>lagi</b> .<br>itu pulang semula.                              | 18,930   | c:\docume~1\user\mydocu~1\tsalin~1\tsalina.txt |
| 2097 | Abdul Fakar ketawa <b>lagi</b> ,<br>meninggi sedikit nadanya.                       | 20,259   | c:\docume~1\user\mydocu~1\tsalin~1\tsalina.txt |
| 2098 | "Kau tau," kata Cik Salim menerangkan <b>lagi</b> tugas pelayan                     | 71,040   | c:\docume~1\user\mydocu~1\tsalin~1\tsalina.txt |
| 2099 | Mereka, kecuali Kurupaya, ketawa <b>lagi</b>  | 4,244    | c:\docume~1\user\mydocu~1\tsalin~1\tsalina.txt |
| 2100 | Siti Salina menggelengkan kepalanya <b>lagi</b> .                                   | 26,275   | c:\docume~1\user\mydocu~1\tsalin~1\tsalina.txt |
| 2101 | Tebing-tebing runtuh dan tanahnya menambahkan <b>lagi</b> kekeruhan air sungai itu. | 40,564   | c:\docume~1\user\mydocu~1\tsalin~1\tsalina.txt |

Sumber : Korpus Berkomputer Teks Novel Salina

### 1.4.1.3 Kajian Lapangan

Kajian lapangan pula diadakan untuk melihat sejauh mana penerimaan penutur natif terhadap ayat-ayat transitif bahasa Melayu yang mengandungi kata adverba di dalamnya. Untuk tujuan ini, dan selaras dengan saranan dalam kerangka teori Prinsip dan Parameter tentang pentingnya data introspektif disemak semula oleh penutur natif untuk mendapatkan data yang lebih sahih, terlebih dahulu data korpus dalam bentuk elektronik ini dijadikan sebagai bahan primer yang perlu diolah semula dengan mengubah kedudukan adverba. Ayat-ayat transitif yang dipilih menggunakan kata adverba *lagi*, *semula* dan *kembali* pada posisi antara kata kerja dengan komplemennya. (Lihat Lampiran 2, 3 dan 4) Ayat-ayat daripada sumber primer ini kemudiannya ditambahkan bilangannya dengan meletakkan kata adverba tersebut dalam pelbagai posisi. Sebagai perbandingan, adverba *semalam* dan *dengan bersungguh-sungguh* dimasukkan ke dalam set ayat asal ini.<sup>7</sup> Dari segi semantik, kumpulan adverba *lagi*, *kembali*, dan *semula* membawa maksud 'berulang' manakala *semalam* dan *dengan bersungguh-sungguh* masing-masing mendukung pengertian waktu dan cara.

Sehubungan dengan itu, soal selidik dibentuk dan dilberikan kepada sekumpulan tiga puluh orang penutur natif yang terdiri daripada guru-guru pelatih Institut Perguruan Persekutuan Pulau Pinang. Responden ini mempunyai pendidikan formal mata pelajaran Bahasa Melayu sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pengkaji memilih persampelan berkelompok (Sidek Mohd Noah, 2002) kerana cara ini membolehkan pengkaji menemui responden dengan mudah di tempat yang sama. Cara ini dapat mempermudah proses mengumpulkan maklum balas daripada subjek kajian. Peratus

---

<sup>7</sup> Set soalan yang dibina dijadikan soal selidik seperti dalam Lampiran 5.

kebolehterimaan penutur natif terhadap ayat-ayat yang dikemukakan telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 10. (Lihat Lampiran 6)

#### **1.4.2 Penganalisisan Data**

Fakta deskriptif yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis berdasarkan kerangka teori Prinsip dan Parameter (P & P), satu versi Teori Transformasi-Generatif yang muncul hasil pembaikan ke atas versi-versi yang terdahulu. Selain konsep-konsep asas dalam teori P & P, karya lain tentang aspek sintaksis yang ditulis menggunakan versi yang lebih terkini, iaitu Program Minimalis (1995) juga akan dimanfaatkan untuk menangani isu yang dikaji.

### **1.5 SOROTAN KAJIAN**

Hal-hal yang berkaitan dengan adverbs dalam bahasa Melayu telah banyak dibincangkan oleh para sarjana bahasa Melayu. Dalam bahagian ini pengkaji akan menyorot kajian-kajian yang telah dilaksanakan iaitu kajian tentang adverbs secara umum dan kajian tentang kedudukan adverbs dalam ayat transitif bahasa Melayu, khususnya.

#### **1.5.1 Kajian Tentang Adverbs Dalam Bahasa Melayu**

Beberapa sarjana seperti Za'ba (1961), R. O Winstedt (1937), Asmah Hj. Omar (1986), dan Nik Safiah Karim (2007) telah menulis perihal adverbs dari pelbagai aspek seperti dari segi definisi, ciri-ciri, posisi dan fungsinya dalam ayat. Para sarjana tersebut telah menggunakan pelbagai istilah bagi merujuk kepada bentuk adverbs yang

digunakan dalam kajian ini, iaitu *lagi*, *kembali*, *semula*, *semalam* dan *dengan bersungguh-sungguh*.

Za'ba (1961) dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* menggunakan istilah *sifat kata* untuk membincangkan perihal kewujudan adverba dalam nahu bahasa Melayu. Menurut Za'ba, adverba terbentuk daripada kata-kata yang menerangkan sifat atau keadaan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif (sifat kata). Contoh-contoh yang diberikan oleh Za'ba ialah perkataan-perkataan yang berhuruf condong seperti yang berikut :

(20) datang *lambat*

(21) terbang *tinggi*

(22) baca *lagi*

(23) pergi *segera*

(24) *terlalu jahat*

(25) binggung *betul*

(26) elok *benar* dan sebagainya.

Dalam konteks ini, Za'ba menghuraikan konsep adverba berdasarkan fungsi kata tersebut dalam ayat.

Arbak Othman (1981), dan Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994) sependapat dengan Za'ba dalam mengemukakan konsep adverba. Mereka berpendapat bahawa adverba ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu golongan kata, khususnya kata nama dan kata kerja. Walau bagaimanapun, mereka menambah bahawa adverba juga dapat menerangkan kata adverba lain. Contohnya, dalam frasa *berjalan lambat benar*, perkataan *lambat* ialah adverba kerana menerangkan kata kerja



*berjalan*. Perkataan *benar* juga ialah adverba kerana berfungsi bagi menerangkan adverba *lambat*. Dalam hal ini, fungsi sesuatu adverba dapat dilihat dengan jelas berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Dengan itu, jelaslah di sini bahawa konsep adverba ditakrifkan berdasarkan fungsinya dan posisinya dalam ayat.

R.O Winstedt (1962: 31-33) dalam '*Simple Malay Grammar*' juga telah membincangkan adverba secara ringkas. Beliau menjelaskan bahawa adverba seperti *sini, sana, mana*, dan *bawah* boleh diikat dengan preposisi *di, ke* dan *dari*. Di samping itu, Winstedt turut menyatakan bahawa adverba juga boleh diwujudkan dengan menambahkan kata ganti tunjuk seperti *ini* dan *itu* kepada adverba-adverba tertentu, seterusnya dapat merealisasikan adverba-adverba seperti *sekarang ini, sekali ini* dan *demikian itu* dalam bahasa Melayu.

Asmah Hj. Omar (1986:180) pula mendefinisikan adverba sebagai kata yang berfungsi pada adjung ayat. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa kata adverba boleh diwujudkan dalam bentuk kata selapis dan kata berlapis. Contoh kata adverba bentuk selapis adalah seperti *sama, situ, sini, tadi* dan *sekarang*. Kata adverba yang dapat diwujudkan dalam bentuk berlapis yang ditandai oleh awalan *se-* dan akhiran *-an*. Contoh-contoh adverba yang menggunakan awalan *se-* adalah seperti *semasa, sewaktu, sekembali, sepanjang-panjang* dan *sepenuh-penuh*. Jenis adverba yang menerima akhiran *-an* kepada kata ganda tertentu adalah seperti *mati-matian, kecil-kecilan, terang-terangan* dan *mudah-mudahan*. Beliau telah membahagikan frasa adverba kepada subgolongan mengikut fungsi dan posisinya dalam ayat. Antaranya adalah seperti yang di bawah ini.

( 27 ) adverba tempat : *di seberang, di tempat itu, di rumah, pada saya*

( 28 ) adverba arah: *ke arah, kepada ibu, dari hulu*

( 29 ) adverba alat : *dengan pisau, dengan kereta api, dengan tangan*

( 30 ) adverba gaya : *berjalan perlahan-lahan, berlari cepat*

Nik Safiah Karim *et al.* (1996) berpendapat bahawa golongan kata adverba tidak perlu dimasukkan dalam tatabahasa bahasa Melayu kerana menurutnya golongan kata ini hanya sesuai dengan bahasa Inggeris yang hanya mempunyai satu struktur frasa predikat iaitu frasa kerja. Menurutya lagi, kata adverba hanya berfungsi untuk menerangkan kata kerja dalam predikat ayat. Beliau lebih selesa menggunakan istilah keterangan kerana berpendapat bahawa unsur ini dapat berfungsi bagi menerangkan tiga lagi frasa predikat yang terdapat dalam bahasa Melayu iaitu frasa adjektif, frasa sendi dan frasa nama. Namun dalam tahun 2007, Nik Safiah mengubah pendirian dengan menerima unsur keterangan yang berfungsi menerangkan bukan sahaja kata kerja bahkan juga kata adjektif dan frasa sendi nama dalam ayat sebagai adverba. Contoh kata adverba yang dapat menerangkan frasa sendi nama adalah seperti yang berikut;

( 31 ) *serta-merta* ke pejabat

( 32 ) *sempat* ke pasar

( 33 ) di rumah *bersendirian*

Dari segi bentuk pula, Nik Safiah telah menggolongkan kata adverba kepada empat bentuk iaitu; i) kata adverba jati; ii) kata adverba yang asalnya kata adjektif; iii) kata adverba yang asalnya kata kerja; dan iv) kata adverba bentuk kata ganda.

Sebagai kesimpulan, didapati bahawa huraian mengenai adverba lebih berkisar kepada aspek istilah, definisi, bentuk, posisi dalam ayat dan fungsinya dalam ayat. Sehubungan dengan itu, perkataan *lagi, kembali* dan *semula* dianggap sebagai adverba

berdasarkan fungsinya dalam ayat. Sebagai contoh, di dalam jadual berikut terdapat ayat-ayat yang mengandungi adverba *lagi*, *semula* dan *kembali*.

Jadual 1.3 : Adverba *lagi*, *semula* dan *kembali*

| N   | Concordance   | Word No. | File   | %  |
|-----|---|----------|--|----|
| 58  | saja Abdul Fakar tu?" Katijah mengemukakan <i>lagi</i> pertanyaannya tadi. Memang ada yang        | 125,126  | c:\docume~1\user\mydocu~1\tekskl~1\tsalina.txt | 92 |
| 255 | ain terup itu. Kabur. Kemudian memandang <i>semula</i> kepada Sunarto. "Baiklah," katanya         | 23,575   | c:\docume~1\user\mydocu~1\tekskl~1\tsalina.txt | 17 |
| 24  | an tangan kirinya. Perlahan-lahan senjata itu diletak <i>kembali</i> . Di atas rumah bininya Jeha | 4,019    | c:\docume~1\user\mydocu~1\tekskl~1\transj.txt  | 8  |

Sumber : Korpus Daripada Teks Salina dan Ranjau Sepanjang Jalan

Di bawah diperturunkan sekali lagi ayat-ayat daripada korpus yang terdapat di dalamnya adverba *lagi*, *semula* dan *kembali*.

(34) Katijah mengemukakan *lagi* pertanyaannya tadi.

(35) Kemudian memandang *semula* kepada Sunarto.

(36) Perlahan-lahan senjata itu diletak *kembali*.

Adverba *lagi*, *semula* dan *kembali* di dalam ayat (34), (35) dan (36) berfungsi untuk menerangkan kata kerja *mengemukakan*, *memandang* dan *diletak*. Berdasarkan hujah ini, pengkaji menyimpulkan bahawa kata *lagi*, *semula* dan *kembali* ialah adverba yang berperanan untuk menjelaskan kata kerja di dalam ayat.

## 1.5.2 Kajian Tentang Adverba Dalam Ayat Transitif

Kehadiran adverba seperti *lagi*, *semula* dan *kembali* pada posisi di antara kata kerja dengan komplemen dalam ayat transitif juga pernah diperkatakan oleh beberapa pengkaji bahasa Melayu.

Wong Khok Seng (1990:544-511) telah menghuraikan secara ringkas tentang gejala penyisipan adverba atau kata keterangan yang hadir antara kata kerja transitif dan komplemen. Beliau telah mengambil data daripada novel *Daerah Zeni* karya A. Samad Said bagi menunjukkan bahawa kata keterangan/adverba boleh hadir secara langsung selepas kata kerja transitif yang berimbuhan *me-kan*. Antara contoh yang diperturuskannya adalah seperti dalam ayat ( 37 ) – ( 39 ) di bawah ini.

(37) Mardi di hadapannya, membetulkan *semula* letak kempit akar, kemudian menguap lebar-lebar dua kali.

(38) Puan juga Zedi cuba mengingatkan *kembali* saat-saat lucu yang mungkin terkelip dalam satu peristiwa dia menghadapi ayahnya.

(39) Zedi-juga Zedi-lebih tidak menghiraukan *lagi* karya orang tua itu.

Berdasarkan dapatannya itu, beliau menyatakan bahawa kata kerja transitif tidak semestinya diikuti secara langsung oleh komplemen, tetapi boleh disusuli oleh kata yang kemudiannya diikuti oleh komplemen adverba. Beliau menjelaskan bahawa kehadiran kata-kata adverba tersebut memberikan pemberatan pada sesuatu lakuan yang diulangi.

Wong Khok Seng hanya memaparkan data tersebut tanpa menghuraikan perkara tersebut untuk membincangkan jenis-jenis objek atau komplemen yang terdapat dalam bahasa Melayu. Beliau tidak pun mengemukakan penjelasan mengapa kehadiran adverba pada posisi yang mengikut analisis Tatabahasa Dewan dan Asraf dianggap 'zon larangan' itu diterima oleh intuisi penutur bahasa Melayu.

Zaharani Ahmad dan Mohd Ra'in Shaari (2004:58-76) juga telah cuba memaparkan fenomena kehadiran unsur adverba dan kata sendi yang boleh memisahkan kata kerja transitif dengan komplemennya. Mereka telah menghuraikan unsur penyisipan kata sendi dan adverba/kata keterangan antara kata kerja transitif dan objek dengan mengambil kata sendi *tentang* dan *mengenai*. Manakala unsur adverba atau kata keterangan yang dipilih adalah *semula* dan *kembali*. Berdasarkan penelitian, mereka telah menyatakan bahawa terdapat dua struktur yang terhasil apabila terjadi unsur penyisipan ini. Contoh struktur tersebut adalah seperti yang berikut:

(40). Struktur meN-kan + KSN + Objek

Contoh : i. menjelaskan tentang Malaysia

ii. mengumumkan tentang hari


(41). Struktur meN-kan + Adverba/kata keterangan + Objek

Contoh : i. mendapatkan kembali haknya

ii. mematikan semula enjin kereta itu

Struktur (41) di atas menarik perhatian kerana boleh menjadi bukti perihal kewujudan adverba yang memisahkan antara kata kerja transitif dengan objek. Namun begitu, huraian yang dibuat dalam menerangkan munculnya struktur tersebut agak ringkas. Mereka menjelaskan bahawa struktur MeN-kan + Kata Keterangan + Objek terhasil akibat proses transformasi. Adverba *kembali* boleh berubah kedudukan, iaitu dari kedudukan selepas objek ke kedudukan selepas kata kerja transitif seperti yang

ditunjukkan dalam rajah pohon yang dipetik daripada Zaharani Ahmad dan Mohd Ra'in Shaari. (2004: 58-76)



Darwis Harahap (2004) yang mengkaji tentang pembinaan kata kerja dari sudut makna turut membincangkan kedudukan unsur adverba dalam ayat transitif. Dalam kajiannya, beliau turut membincangkan fungsi unsur keterangan apabila kata kerja transitif penanda +kan diimbuhkan dengan ragam aktif me+. Beliau telah memperlihatkan bahawa kata kerja transitif penanda +i yang digabungkan dengan ragam aktif me+ boleh menyebabkan unsur keterangan dipindahkan di antara kata kerja transitif dengan objek seperti yang tercatat dalam data-data berikut:

43a. *Sekarang*, engkau telah langgari undang-undang ini.

43b. Engkau telah langgari *sekarang*, undang-undang ini.

Berdasarkan dapatan yang diperlihatkan oleh Wong Khek Seng (1990), Darwis Harahap (2004), dan Zaharani Ahmad dan Mohd Ra'in Shaari (2004), dapatlah disimpulkan bahawa adverba *lagi*, *semula* dan *kembali* yang telah disisipkan di antara kata kerja transitif dan objek telah dapat dibuktikan kewujudannya dalam struktur frasa kerja transitif bahasa Melayu.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Berdasarkan objektif yang ingin dicapai, kajian ini membataskan skop yang dikaji untuk merangkumi aspek-aspek seperti yang berikut.

- ( i ) Hanya struktur ayat ekatransitif sahaja yang akan dikaji.
- ( ii ) Adverba yang terpilih untuk dikaji dalam konteks ayat transitif terbatas, iaitu *dengan bersungguh-sungguh* bagi mewakili adverba 'cara', adverba *semalam* untuk aspek waktu, dan sekumpulan adverba yang membawa maksud 'berulang', iaitu *semula*, *kembali*, dan *lagi*.
- ( iii ) Hanya ayat-ayat daripada data bertulis yang digunakan sebagai data mentah sebelum diolah kepada bentuk soal selidik.

## 1.7 ORGANISASI KAJIAN

Huraian dan perbincangan kajian dibahagikan kepada lima bab dan pembahagian bab-bab adalah seperti yang berikut.

Bab 1 merupakan Bahagian Pengenalan yang merangkumi latar belakang permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, sorotan kajian yang berkaitan, skop dan batasan kajian dan organisasi kajian.

Dalam Bab 2, pengkaji menghuraikan kerangka teori Generatif versi Prinsip dan Parameter(1986) dan beberapa idea dan sub-sub teori terkini dan lebih relevan yang akan digunakan untuk menganalisis data kajian ini.

Dalam Bab 3 mengandungi pemerian deskriptif terhadap penyebaran dan perlakuan adverba yang dikaji dalam ayat transitif. Huraian deskriptif ini merupakan huraian dapatan yang merupakan maklum balas daripada penutur natif tentang nilai kegramatisan ayat transitif yang mengandungi adverba yang terpilih itu.

Dalam Bab 4, pengkaji menganalisis fenomena kewujudan unsur adverba dalam ayat transitif bahasa Melayu secara teoritis. Teori Generatif versi Prinsip dan Parameter dan karya-karya lain yang relevan akan diterapkan dalam penganalisisan ini.

Bab 5 merumuskan kajian dan memberikan cadangan pembaikan kajian pada masa akan datang.

## **1.8 RUMUSAN**

Dalam Bab 1 ini, pengkaji telah cuba memberikan gambaran keseluruhan kajian ini dengan menyatakan dan menghuraikan hal yang berkaitan dengan latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, sorotan kajian terhadap kajian adverba, batasan kajian dan organisasi kajian.



## BAB 2

### TEORI PRINSIP DAN PARAMETER

#### 2.0 PENGENALAN

Dalam Bab 2 ini, pengkaji akan memperkenalkan kerangka Teori Prinsip dan Parameter (1986) yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky yang akan dijadikan asas untuk menganalisis ayat-ayat transitif yang menggunakan adverba pada pelbagai posisi. Teori Prinsip & Parameter yang akan diterangkan dalam bab ini meliputi modul-modul seperti Teori X-Berpaling, Teori Teta, Teori Kuasaan, Pergerakan  $\alpha$ , Teori Kasus, Hipotesis Subjek Dalam FK (*VP-Internal Subject Hypothesis*) dan Cengkerang FK (*VP shell*).

#### 2.1 Kerangka Teori

Kerangka teori yang akan digunakan dalam kajian ini adalah kerangka Teori Transformasi Generatif versi Prinsip dan Parameter yang dikemukakan oleh Chomsky (1986). Teori ini merupakan salah satu teori yang digunakan untuk menjelaskan prinsip dan elemen yang beroperasi dalam sesuatu bahasa. Haegeman (1994) menjelaskan bahawa teori ini mengandaikan bahawa setiap bahasa di dunia mempunyai tatabahasa yang bersifat sejagat. Sehubungan dengan ini, Radford (1997) berpendapat bahawa kriteria kesejagatan yang lebih ketara wujud apabila sesuatu teori tatabahasa sewajarnya dapat menjadi alat bagi menghuraikan nahu kesemua bahasa tabii secara berpada.